



## SIARAN MEDIA

### PEMERKASAAN PENGURUSAN KESELAMATAN JALAN RAYA DALAM SEKTOR EKONOMI GIG

KUALA LUMPUR – Seminar Vision Zero Malaysia 2023 yang diadakan pada 22 hingga 23 Ogos 2023 anjuran PERKESO bertujuan untuk memberi tumpuan terhadap aspek pencegahan kemalangan dan kesejahteraan dalam kalangan pekerja. Seminar ini menghimpunkan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan jalinan kerjasama demi menjadikan pencegahan kemalangan dan promosi kesihatan pekerja sebagai tanggungjawab dan amalan bersama.

Objektif Seminar Vision Zero Malaysia 2023 yang bertemakan ***Safety And Well-being At Work*** bertujuan untuk memberi mesej jelas kepada semua pihak bagi membentuk jaringan kerjasama ke arah membangunkan dan memperkasa program serta sistem pengurusan keselamatan serta kesihatan pekerjaan sedia ada. Pendekatan ini diyakini berupaya memastikan supaya sistem pengurusan keselamatan lebih sistematik dan selaras perubahan demografi serta risiko yang berkaitan.

Kerajaan menerusi PERKESO memandang serius isu keselamatan dan kesihatan pekerja di sektor ekonomi gig. Berdasarkan statistik laporan kemalangan menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), melibatkan sektor pengangkutan barang dan makanan serta pengangkutan penumpang, terdapat **peningkatan sebanyak 158.9 peratus, iaitu daripada 1,872 kes pada 2022 kepada 723 kes pada 2021**. Malah, **peningkatan sebanyak 56 peratus turut direkodkan dalam kes kematian, iaitu lonjakan daripada 25 kes pada 2021 kepada 39 kes pada 2022 bagi pekerja dari sektor pengangkutan barang serta makanan dan pengangkutan penumpang rentetan kemalangan yang berkaitan dengan perjalanan**. Statistik terkini sehingga Jun 2023 pula

**menyaksikan 1,204 kes kemalangan dan 25 kematian dilaporkan bagi kedua dua sektor ini.**

Selaras dengan itu, PERKESO dan Jabatan Standard Malaysia bersama pakar- pakar yang merangkumi semua pemegang taruh daripada pihak kerajaan dan industri berjaya membangunkan **Malaysian Standard (MS) 2756 - Good Practices for Platform Providers in Implementing Work-Related Road Traffic Safety Management**. Standard ini dibangunkan khusus untuk membantu penyedia platform terutama operator e-hailing dan p-hailing dalam pengurusan keselamatan pekerja berkaitan jalan raya bagi mengurangkan kadar kemalangan melibatkan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang juga merupakan pencarum PERKESO melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). **MS 2756:2023 merupakan standard pertama dibangunkan mengenai amalan baik pengurusan keselamatan jalan raya khusus untuk penyedia platform ekonomi gig dengan pendekatan yang lebih sistematis dan fleksibel.**

Kerajaan berharap semua penyedia perkhidmatan dapat menggunakan standard ini dengan sepenuhnya, demi keselamatan dan kesejahteraan pekerja di sektor ekonomi gig. Kementerian Sumber Manusia amat berharap pelbagai inisiatif yang disediakan ini berperanan sebagai pemangkin ke arah penerapan budaya pencegahan bagi memperkuatkannya pembentukan '**Budaya Kerja Sihat dan Selamat**' dalam kalangan majikan dan pekerja.

**Dikeluarkan oleh:**  
**BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT**  
**23 Ogos 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Mohd Wazid Zaidon  
+6017-619 3181  
[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)